

15 SEP 1997

KLIA-Percubaan

MAHATHIR, MENTERI KABINET SAKSI PENDARATAN PERCUBAAN DI KLIA

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, dekat sini, menerima pendaratan pertama apabila pesawat Boeing 747 Penerbangan Malaysia (MAS) mendarat hari ini.

Pendaratan percubaan di Landasan Satu lapangan terbang paling canggih di Asia itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri-menteri Kabinet.

Mereka memberi tepukan apabila pesawat itu yang diterbangkan oleh Kapt Samsudin Zainol Abidin dan dibantu oleh Kapt Arshad Abu Bakar mendarat dengan selamat di landasan pada 10.26 pagi.

Mereka juga akan meninjau kemajuan kerja-kerja pembinaan lapangan terbang berharga RM9 bilion itu.

Pendaratan pertama pesawat Boeing 747 MAS ialah kemuncak permulaan percubaan di lapangan terbang itu yang dijangka memulakan operasi komersil tahun depan.

Penerbangan MH1509 berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada 10.05 pagi, hari ini.

Pada 14 Ogos lalu, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata pemasangan Total Airport Management System (TAMS) yang mengikut jadual di KLIA memungkinkan pendaratan percubaan di lapangan terbang itu hari ini seperti dirancang.

TAMS ialah sistem sumber dan pemrosesan data canggih yang menghubungkan dan menggabungkan pelbagai sistem elektronik dalam lingkungan KLIA dan dengan itu mewujudkan pemusatan bagi operasi dan pengurusan lapangan terbang secara keseluruhan.

Sistem itu menghubungkan dan menggabungkan 29 sub sistem antara lain bagi kawalan krisis, paparan maklumat penerbangan, akses kad, meteorologi, pengurusan lalulintas udara dan pengendalian bagasi.

Dr Ling berkata pendaratan percubaan yang pertama akan diikuti oleh pendaratan percubaan lanjutan pada 15 Dis.

KLIA yang terletak di kawasan seluas 10,000 hektar, kira-kira 50 km ke selatan Kuala Lumpur, mampu menampung 25 juta penumpang setahun pada hari pembukaan dan sehingga 60 juta penumpang menjelang tahun 2020.

Ia akan mempunyai dua landasan utama, masing-masing sejauh 4,000 meter dengan 60 meter lebar.

Dua tempat letak kereta di lapangan terbang berkenaan mempunyai sejumlah 12,600 ruang dan daripada jumlah ini, 6,300 ruang ialah tempat letak kereta untuk tempoh singkat.

KLIA juga akan mempunyai persekitaran "Lapangan terbang dalam Hutan" dan "Hutan Dalam Lapangan Terbang" dengan seni taman memenuhi kawasan terminal dan satelit. -- BERNAMA

ES FAZ PR